

PENCEGAHAN KECEDERAAN DI JALAN RAYA

KANAK-KANAK, BASIKAL

DAN

KECEDERAAN



INGATLAH FAKTA INI!

FAKTA MENGENAI KEMALANGAN BASIKAL



Di Malaysia pada tahun 1994, terdapat 2,503 kecederaan dan 326 kematian yang melibatkan pengguna basikal.

Kira-kira 30% daripada kematian melibatkan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun.

Kemalangan/kematian lebih banyak melibatkan kanak-kanak lelaki.

Kebanyakan kematian adalah disebabkan oleh kecederaan di bahagian kepala.

**Kajian menunjukkan
penggunaan topi keledar
untuk basikal dapat
mengurangkan kecederaan
di bahagian kepala dan
kematian.**

TIP MELINDUNGI ANAK ANDA DARI KECEDERAAN AKIBAT BERBASIKAL



- 1** Galakkan anak anda sentiasa memakai topi keledar semasa menunggang basikal. Tali dagu topi keledar mestilah diikat dengan betul, jika tidak ia mungkin tertanggal atau pecah semasa pelanggaran.

- 2** Galakkan anak anda supaya menggunakan pakaian yang memantulkan cahaya seperti baju yang berwarna cerah.



- 3** Pastikan anak anda menggunakan lampu basikal dan alat pemantul cahaya jika hari telah gelap.



- 4** Menunggang basikal hendaklah dihadkan kepada laluan jalan kaki, lorong-lorong dan jalan ke rumah sehinggalah anak anda boleh menunggang basikal dengan penuh yakin dan boleh mematuhi peraturan asas jalan raya.



- 5** Jangan membawa pembonceng basikal di belakang.

PERATURAN ASAS JALAN RAYA YANG PERLU DIPATUHI



Berhenti di persimpangan
jalan.



Tungganglah basikal di
sebelah kiri mengikut aliran
kenderaan.



Patuhi lampu isyarat.



Lihat ke belakang sebelum
membelok ke kiri apabila di
persimpangan.

PANDUAN MEMBELI BASIKAL

- 1** Basikal yang saiznya tidak sesuai boleh menyebabkan kemalangan. Bawalah anak anda bersama apabila anda hendak membeli basikal dan berilah peluang anak anda mencuba saiz basikal. Nilai keselamatan jauh lebih bermakna dari nilai sebuah basikal.
- 2** Jangan membeli basikal yang besar saiznya untuk anak anda dengan harapan dia boleh menaikinya.

- 3** Patuhi ujian mudah untuk saiz, kerangka dan saiz tayar ini sebagai titik permulaan.



- a** Duduk di atas tempat duduk dengan tangan di tempat pemegang, kanak-kanak hendaklah boleh mencecah kedua-dua kakinya ke tanah.

- b** Berdiri di tengah-tengah palang basikal perlu dilakukannya dengan kedua-dua kakinya mencecah rapat ke tanah dan lebih kurang satu inci jaraknya antara celah kelengkang dan palang basikal.



- c** Jika basikal mempunyai brek tangan, kanak-kanak berkenaan hendaklah boleh membrek dengan mudah dan berupaya memberikan tekanan yang secukupnya untuk membrek basikal.

PANDUAN MEMBELI TOPI KELEDAR



Bawa anak anda bersama dan perhatikan tiga perkara:

- Topi keledar perlu diluluskan oleh pihak berkuasa kerana topi keledar yang lain mungkin tidak selamat.
- Topi keledar mestilah yang sepadan. Selepas anak anda memakainya, cuba ikatkan tali dagu. Biarkan topi itu di kepala anak anda dan tanpa menggerakkannya, lihat sama ada topi itu menggelongsor turun menutup mata apabila ditolak atau ditarik.
- Topi keledar yang disukai oleh anak anda boleh diwarnakan dengan cerah dengan menggunakan pelekat pemantul cahaya.

**"KASIH SAYANG DAN
KESELAMATAN ANAK ANDA
BERMULA DARI ANDA"**

**ELAKKAN KECEDERAAN,
HINDARI KESENGSARAAN**

